

Headline	DAP terkejut, mula cipta alasan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	SITINORHAWA MOHD. ALI	AdValue	RM 6,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,203



DAP terkejut, mula cipta alasan

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 MEI

KEMENANGAN besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak nyata mengejutkan pakatan pembangkang, terutama DAP daripada tidur yang lena.

Mula sedar kempem memfitnah dan menanam tebu di tepi bibir tidak 'dibel' rakyat Sarawak, pelbagai alasan mula dicipta dan belang masing-masing mula kelihatan apabila saling menuding jari menyalahkan sesama sendiri berikutnya kekalahan memalukan itu.

Tidak mahu mengakui kesalahan sendiri, DAP menyalahkan sekutunya dengan mendakwa mereka tidak menghormati perjanjian yang ditandatangi oleh Pakatan Harapan untuk tidak bertembung sesama sendiri di mana-mana kawasan.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang dilihat seperti tidak dapat menerima hakikat bahawa pengundi Cina Sarawak sudah beralih arah dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN), menjadikan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebagai punca kekalahan.

Katanya, salah satu punca kekalahan memalukan pakatan pembangkang pada PRN-11 adalah disebabkan pertembungan DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di beberapa kawasan.

"Sentimen pengundi akan jadi lebih baik bagi komponen pembangkang sekiranya tiada pertemuan antara DAP dan PKR sejak mula," katanya pada sidang akhbar di pejabat DAP Sarawak di Kuching hari ini, yang dipetik dari beberapa blog berita pembangkang.

Akibat pertembungan antara DAP dan PKR itu, DAP kehilangan lima daripada 12 kawasan yang dikuasai mereka sebelum ini dan lebih memalukan itu merupakan jumlah tertinggi pakatan pembangkang kalah mengikut rekod.

Kegagalan DAP dan PKR mencapai kata sepakat sehingga bertembung sesama sendiri di enam kawasan ternyata menguntungkan BN apabila mereka kalah di kesemua kerusi tersebut.

Sebagai parti baharu yang mendakwa semakin mendapat sambutan rakyat, PAN yang pertama kali bertanding dalam pilihan raya juga tersungkur apabila kalah di kesemua 13 kerusi yang ditanngi.

Dalam hal itu, Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan, Lim Guan Eng pula menggunakan alasan dangkal apabila menyalahkan populariti Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem selain politik wang sebagai faktor kemenangan BN.

Beliau mendakwa punca kehilangan lima kerusi DAP di Sarawak adalah kerana populariti Adenan mengaburi tindakannya menyekat kemasukan pemimpin pembangkang ke Sarawak.

"Populariti peribadi Adenan mengatasi segala tindakannya yang tidak disenangi seperti menyekat kemasukan pemimpin pembangkang ke Sarawak. Kewujudan politik wang juga mengganggu prestasi kami," katanya.

Katanya, parti akan menjalankan bedah siasat dan menunggu laporan dari DAP Sarawak atas kekalahan itu, termasuk kegagalan

mereka untuk membawa sebarang kemajuan di kerusi Dayak di luar bandar.

Menyedari PAN gagal menarik pengundi, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali yang semakin terdesak membuat pusingan U apabila mengajak Pas untuk kembali bersama DAP dan PKR sebagai satu pasukan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14.

"PAN dan Pas harus terus mara bersama PKR dan DAP. Kekalahan teruk pada PRN-11 jelas menunjukkan rakyat negeri itu menolak pertelingkahan sesama mereka," katanya.

Tidak cukup saling menuding jari sesama mereka, walaupun agak pelik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) propembangkang, Bersih pula menyalahkan peningkatan kadar peratusan keluar mengundi yang dikatakan naik 'mendadak' pada petang hari berkenaan.



Lim Kit Siang yang dilihat seperti tidak dapat menerima hakikat bahawa pengundi Cina Sarawak sudah beralih arah dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN), menjadikan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebagai punca kekalahan.

DAP terkejut, mula cipta alasan

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 MEI

KEMENANGAN besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak nyata mengejutkan pakatan pembangkang, terutama DAP daripada tidur yang lena.

Mula sedar kempem memfitnah dan menanam tebu di tepi bibir tidak 'dibeli' rakyat Sarawak, pelbagai alasan mula dicipta dan belang masing-masing mula kelihatan apabila saling menudung jari menyalaikan sesama sendiri berikutnya kekalahan memalukan itu.

Tidak mahu mengakui kesalahan sendiri, DAP menyalahkan sekutunya dengan mendakwa mereka tidak menghormati perjanjian yang ditandatangani oleh Pakatan Harapan untuk tidak bertembung sesama sendiri di mana-mana kawasan.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang dilihat seperti tidak dapat menerima hakikat bahawa pengundi Cina Sarawak sudah beralih arah dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN), menjadikan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebagai punca kekalahan.

Katanya, salah satu punca kekalahan memalukan pakatan pembangkang pada PRN-11 adalah disebabkan pertembungan DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di-



LIM KIT SIANG

berapa kawasan.

"Sentimen pengundi akan jadi lebih baik bagi komponen pembangkang sekiranya tiada pertemuan antara DAP dan PKR sejak mula," katanya pada sidang akhbar di pejabat DAP Sarawak di Kuching hari ini, yang dipetik dari beberapa blog berita pembangkang.

Akibat pertembungan antara DAP dan PKR itu, DAP kehilangan lima daripada 12 kawasan yang dikuasai mereka sebelum ini dan lebih memalukan itu merupakan jumlah tertinggi pakatan pembangkang kalah mengikut rekod.

Kegagalan DAP dan PKR mencapai kata sepakat sehingga bertembung sesama sendiri di enam

kawasan ternyata menguntungkan BN apabila mereka kalah di kesemua kerusi tersebut.

Sebagai parti baharu yang mendakwa semakin mendapat sambutan rakyat, PAN yang pertama kali bertanding dalam pilihan raya juga tersungkur apabila kalah di kesemua 13 kerusi yang ditan-

Dalam hal itu, Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan, Lim Guan Eng pula menggunakan alasan dangkal apabila menyalahkan populariti Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem selain politik wang sebagai faktor kemenangan BN.

Beliau mendakwa punca kehilangan lima kerusi DAP di Sarawak adalah kerana populariti Adenan mengaburi tindakannya menyekat kemasukan pemimpin pembangkang ke Sarawak.

"Populariti peribadi Adenan mengatas segala tindakannya yang tidak disenangi seperti menyekat kemasukan pemimpin pembangkang ke Sarawak. Kewujudan politik wang juga mengganggu prestasi kami," katanya.

Katanya, parti akan menjalankan bedah siasat dan menunggu laporan dari DAP Sarawak atas kekalahan itu, termasuk kegagalan mereka untuk membawa sebarang kemajuan di kerusi Dayak di luar bandar.

Menyedari PAN gagal menarik pengundi, Timbalan Presiden PKR,

Lim Kit Siang yang dilihat seperti tidak dapat menerima hakikat bahawa pengundi Cina Sarawak sudah beralih arah dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN), menjadikan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebagai punca kekalahan.

Datuk Seri Azmin Ali yang semakin terdesak membuat pusingan U apabila mengajak Pas untuk kembali bersama DAP dan PKR sebagai satu pasukan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14.

"PAN dan Pas harus terus muda bersama PKR dan DAP. Kekalahan teruk pada PRN-11 jelas menunjukkan rakyat negeri itu menolak pertelingahan sama mereka," katanya.

Tidak cukup saling menudung jari sesama mereka, walaupun agak pelik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) propembangkang, Bersatu pun menyalahkan peningkatan kadar peratusan keluar mengundi yang dikatakan naik 'mendadak' pada petang hari berkenna.



ABDUL HADI AWANG

Adenan yang buat pertama kali memimpin bahtera BN negeri dalam pilihan raya negeri berjaya mencapai kemenangan besar apabila menang sejumlah 72 kerusi DUN termasuk merampas lima kerusi yang menjadi kubu kuat DAP.

Kemengan bergaya itu juga menyebabkan hasrat Pas untuk melahirkan 'anak sulung' di Bumi Kenyalang kekal sekadar impian apabila kesemuanya calon parti berkenaan di 11 kerusi yang ditangani ditolak rakyat Sarawak.

Dalam pada itu, Abdul Hadi memuji komitmen serta dedikasi seluruh petugas Pas yang bertungku-lumus mendekati rakyat walaupun sedar bahawa aura Adenan cukup kuat di Sarawak.

"Sesungguhnya Constantino, Andalusia dan kota-kota besar lain tidak dibuka dalam masa sehari, tetapi melalui perjuangan panjang dengan segala kesulitan dan pengorbanan sebelum berjaya mengibarkan bendera Islam.

Mesej kepada pembangkang

SHAH ALAM 8 Mei – Pas menyifatkan keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-11 mencerangkan situasi politik sebenar di Semenanjung terutama kedudukan partai pembangkang ketika ini.

Naib Presidennya, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pakatan pembangkang tidak seharusnya memandang ringan keputusan berkenaan.

Sehubungan itu, jelasnya, satu kajian terperinci perlu dilakukan terutama kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam PRN tersebut.

"Saya berpendangan, keputusan PRN Sarawak yang baru berakhir menghantar isyarat-isyarat yang tidak boleh diabaikan oleh parti-parti pembangkang.

"Satu kajian terperinci perlu dilakukan berikutnya kemenangan besar BN. Apa yang berlaku di Sarawak juga relevan di Semenanjung," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

BN mencapai kejayaan besar dalam PRN Sarawak Ke-11 semipada apabila menguasai 72 daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan termasuk dua kerusi yang dimenangi tanpa bertanding.

Kemangan besar melebihi majoriti dua pertiga dianggap tumparan hebat kepada parti pembangkang yang terdiri daripada DAP, PKR, PAN dan Pas.

Iskandar turut menggesa parti-parti pembangkang supaya belajar daripada pengalaman PRN Sarawak memandangkan pilihan raya umum tinggal tidak kurang 24 bulan untuk dilaksanakan.

Rakyat Sarawak tolak politik rasis DAP



RAFIQ NAIZAMOHIDEEN

membuat pilihan dan jelas menolak sepenuhnya politik rasis yang dibawa oleh DAP di negeri berkenaan," katanya selepas merasmikan Himpunan Kelab dan Komuniti Kere-ta Melaka di Litar Permotoran Antara-bangsa Melaka (MIMC), Ayer Keroh, di sini hari ini.

Mohd. Rafiq bagaimanapun berkata, kemenangan itu bukan isyarat yang boleh dijadikan kayu ukur untuk BN merasa selesa menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

"Namun kita harap ia menjadi pendorong serta perangsang kepada kepemimpinan UMNO di peringkat Pusat dan negeri untuk bekerja lebih keras bagi memastikan kemenangan pada PRU akan datang," ujarnya.

62 calon hilang wang deposit

KUCHING 8 Mei – Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-11 (PRN-11) menyaksikan seramai 62 calon pembangkang dan Bebas hilang wang deposit dengan nilai termurah RM310,000.

Untuk bertanding dalam pilihan raya peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), setiap calon mestil membayar deposit RM5,000 dan RM3,000 lagi untuk deposit baharunya.

Calon-calon akan hilang wang deposit RM5,000 sekiranya gagal memperoleh satu perlapan daripada jumlah undi yang diperoleh oleh semua calon yang bertanding di dalam sesuatu bahagian pilihan raya berkenaan.

Peraturan ini adalah untuk mengelakkan mana-mana individu menyertai pilihan raya secara tidak serius atau memiliki agenda lain, termasuk untuk tujuan ugutan dan meraih keuntungan.

Calon	hilang	deposit	PRN-11
Bebas	→	17	
Star	→	10	
PKR	→	10	
PAN	→	9	
DAP	→	7	
Pas	→	5	
PBDSB	→	4	
JUMLAH			62
PARTI			
BIL. CALON			

Rakyat Kelantan wajar contohi rakyat Sarawak

KOTA BHARU 8 Mei – Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub meminta kontraktor di negeri ini supaya kreatif dan mempelbagaikan cabang perniagaan sekiranya tawaran kerja di negeri ini berkurangan sejak akhir-akhir ini.

Katanya, keadaan itu berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti kewujudan terlalu ramai kontraktor terutama dalam kelas G1 sebagaimana tawaran kerja di negeri ini tidak banyak sebagai gamaan di negeri lain.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden PKMM, Datuk Che Wan Mohd. Khalid Mohammad serta Yang Dipertua PKMM negeri, Datuk

Mohd. Rosdi Ab. Aziz.

Dalam pada itu beliau juga menganjurkan kontraktor supaya jangan lupukan bidang tersebut begitu sahaja, sebaliknya wujudkan perniagaan sampingan untuk memastikan mereka terus menjana pendapatan walaupun tidak ada tawaran kerja.

Sementara itu Ahmad Jazlan berkata, keputusan rakyat Sarawak untuk terus memberi mandat kepada Barisan Nasional (BN) bagi membentuk kerajaan dan mentadbir negeri itu diharap dapat mem-

buka mata rakyat negeri ini untuk membuat pilihan yang sama dalam pilihan raya akan datang.

Menurut beliau, kemenangan BN dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak penting kerana membolehkan agenda pembangunan secara menyeluruh di negeri itu dapat diteruskan.

Kata, bagi memastikan harapan rakyat Sarawak tidak dikecewakan, kementeriannya sentiasa bersedia memulihkan tanggungjawab sebagai pemain utama yang memacu pembangunan di negeri itu.

PRN-11 Sarawak: 173 laporan polis diterima

"Daripada jumlah tersebut, hanya 86 laporan disiasat polis manakala bakinya diserahkan kepada agensi berkaitan termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk diambil tindakan lanjut," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Operasi Mencari dan Menyelamat (SAM) Lingga di sini hari ini.

Sehubungan itu, Muhammad Sabtu mengucapkan terima kasih kepada orang ramai khususnya

rakyat Sarawak kerana menunjukkan sikap sopan dan toleransi sehingga membolehkan proses PRN-11 berjalan lancar.

Selain itu, katanya, semua agensi yang terlibat dalam pilihan raya ini juga menunjukkan kerjasama baik dan cemerlang dalam menjalankan tugas.

Katanya, semua anggota polis yang terlibat dalam PRN-11 akan kembali menjalankan tugas biasa selepas ini.

Malaysiakini perlu lebih matang, profesional

SRI AMAN 8 Mei – Proses berkempen dan pengundian bagi Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak yang berakhir semalam, berjalan lancar tanpa berlaku insiden yang tidak diingini.

Pesuruhjaya Polis negeri, Datuk Seri Muhammad Sabtu Osman (gambar) berkata, polis menerima sebanyak 173 laporan dalam tempoh 12 hari berkempen bermula 25 April lalu sehingga selesai proses pengundian.

ZAMBRI MOHD. ISA

AWZANDIN HAMZAH

MUA'AMAR GHADAFI

tidak harus terlalu emosional sehingga budaya Timur yang menelekkan nilai positif seperti saling menghormati dan kepentingan tatasusila tidak lagi diendahkan.

"Setiap komen berbaur negatif patut dipadam dan tidak seharusnya dibikin begitu sahaja kerana akan tercetusnya konflik dan kesannya pada masa akan datang," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas tentang sikap Malaysiakini yang dilihat lepas tangan dengan membiarkan pem-

bacanya memberi komen berunsur kesat dan biadab terhadap mangsa nañas helikopter di Subayau, Sarawak, Khamis lalu.

Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Awzandin Hamzah pula berkata, Malaysiakini perlu menjadi sebuah media yang bersifat lebih adil dan telus dalam menyampaikan maklumat kepada pembacaan.

"Sepatutnya Malaysiakini memandam segala komen yang dianggap biadab terutamanya komen yang mendoakan keburukan seseorang.

"Selain itu, masyarakat juga

Walaupun media diberi kebebasan, namun bukanlah bermakna sebab untuk menyebarkan dan mendidik masyarakat mengenai kebencian. Media perlu menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat Malaysia amnya," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menyuruh kepada masyarakat agar lebih berhati-hati sewaktu mengutarakan pendapat dengan mengambil kira sensitiviti keluarga dan kenalan mangsa nañas yang masih bersedi berikutkan tragedi helikopter terbabit.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Muamar Ghadafi Jamal Jamalluddin berkata, Malaysiakini sepatutnya tidak mempromosikan perkara berbaur negatif, sebaliknya sebagai sebuah media, mereka perlu bersikap lebih matang dan profesional.

"Seharusnya Malaysiakini tidak membiarkan komen negatif begitu sahaja. Prinsip Kesopanan dan Ke-susilaan dalam Rukun Negara harus diterapkan dalam masyarakat Malaysia hari ini," katanya.

Headline	DAP terkejut, mula cipta alasan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	SITINORHAWA MOHD. ALI	AdValue	RM 6,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,203



LIM KIT SIANG

Headline	Dengkil dilanda banjir		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	09 May 2016	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	13	ArticleSize	353 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,161
Journalist	NOR SHAFAWATIYUP	PR Value	RM 27,483
Frequency	Daily		



388 penduduk dibawa ke pusat pemindahan

Dengkil dilanda banjir

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

DENGKIL – Sebanyak 388 penduduk dari enam buah kampung di sini terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan akibat banjir yang melanda kawasan itu sejak pukul 5 petang kelmarin.

Antara kawasan yang dinari air ialah Kampung Sungai Buang, Kampung Ampar Tenang, Kampung Revolusi Hijau, Kampung Lalang, Kampung Semarang dan Kampung Seri Tanjung.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Daerah Sepang, Azli Muhidin berkata, kesemua mangsa banjir yang terdiri daripada 89 ke-

luarga terpaksa ditempatkan di tiga pusat pemindahan yang dibuka sejurus kejadian itu kelmarin.

“Tiga pusat pemindahan yang dibuka ialah di Dewan Taman Gemilang, Dewan Ampar Tenang dan Surau Kampung Sungai Buang Luar.

“Sehingga pukul 3 petang ini (semalam), jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan tersebut kekal sama kerana banjir masih belum surut dan paras air dijang-

ka meningkat ekoran hujan lebat pada waktu petang,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Ketua

UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing berkata, kejadian banjir di kawasan terlibat dipercayai berlaku akibat paras air Sungai Langat meningkat mendadak ekoran hujan lebat sejak kelmarin.

“Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan kebajikan mangsa terjaga dan penduduk diingatkan agar mematuhi arahan pihak berkuasa jika mereka diarahkan berpindah,” katanya ketika melawat mangsa-mangsa banjir di Dewan Taman Gemilang di sini semalam.

Dalam pada itu, di Kuala

Lumpur, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Meteorologi, Alui Bahari berkata, hujan lebat yang semakin kerap berlaku ketika ini terutama di Lembah Klang sehingga menyebabkan banjir kilat disebabkan fenomena El Nino yang semakin melemah.

Katanya, keadaan cuaca

panas melampau akibat El Nino yang berlaku sekarang bertukar hujan juga disebabkan Malaysia kini mengalami peralihan monsun.

Bagaimanapun, beliau berkata, keadaan hujan dan ribut petir di kawasan Lembah Klang pada masa ini bukan disebabkan fenomena La Nina.



PARAS air Sungai Langat meningkat selepas hujan lebat hingga menyebabkan satu ban pecah dipercayai menjadi punca kejadian banjir besar di Dengkil semalam.

Headline	Dengkil dilanda banjir		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	13	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm ²
Journalist	NOR SHAFAWATIYUP	AdValue	RM 9,161
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,483



GAMBAR: IHSAN UNIT PENGURUSAN BENCANA BANJIR NEGERI SELANGOR
DERETAN rumah teres dan pangsapuri (kiri) yang dalam proses pembinaan ditenggelami air di Dengkil semalam ekoran hujan lebat.



ANGGOTA penyelamat memindahkan seorang lelaki warga emas setelah rumahnya di Kampung Semarang, Dengkil dinaiki air akibat hujan lebat kelmarin.

Headline	Azmin ajak PAS kembali bersama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	62 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,433
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,299



Azmin ajak PAS kembali bersama

Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Mohamed Azmin Ali hari ini mengajak PAS untuk kembali bersama DAP dan PKR sebagai satu pasukan bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU-14).

Beliau berkata, semua parti pembangkang perlu bermuhasabah diri atas kekalahan teruk pada pilihan raya negeri (PRN) Sarawak, semalam, yang jelas menunjukkan rakyat negeri itu menolak pertelingkahan sesama mereka.

"Justeru, Amanah (Parti Amanah Negara) dan PAS haruslah terus mera

bersama PKR dan DAP. Kita perlu bergerak ke hadapan secara bersama bagi menghadapi PRU-14 sebagai satu pasukan," katanya dalam kenyataan, semalam.



Headline	Tak salah untuk kita gagal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 28,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,765



‘Tak salah untuk kita gagal’

■ **Pensyarah kanan FBMK UPM dapat pengiktirafan antarabangsa dalam bidang komunikasi**

Hairulazim Mahmud

“Tiada apa-apa rahsia kejayaan yang saya kecapai, tapi yang penting kerja dengan ikhlas dan belajar daripada kegagalan,” kata Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Moniza Waheed.

Berpegang dengan falsafah itu, maka tidak menghairankan apabila beliau yang baru menjangkau usia 34 tahun sudah pun memperoleh pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa berikut sumbangan kesarjanaannya dalam bidang khususnya komunikasi.

Dr Moniza berkata, tiada salahnya untuk gagal dalam apa sahaja yang dilakukan dalam hidup.

Namun, apa yang penting, tegas gadis kelahiran Kota Kinabalu, Sabah itu, adalah mengambil pengajaran daripada setiap kegagalan yang ditempuhi.

“Tak salah untuk gagal, tapi apa yang utama ialah kita belajar daripada setiap kegagalan itu,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau dilahirkan pada 21 Oktober 1982 di Kota Kinabalu, Sabah.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Stella Maris dan Sekolah

Menengah Convent St Francis, Kota Kinabalu sebelum memperoleh Ijazah Pertama dari UPM dalam bidang Komunikasi pada tahun 2004.

Pada tahun 2005, beliau menyertai FBMK, UPM sebagai tutor.

Seterusnya, beliau memperoleh ijazah sarjana dari Western Illinois University (WIU), Amerika Syarikat (AS) dalam bidang Komunikasi pada tahun 2008 dan ijazah kedoktoran dari University of Amsterdam (UvA), Belanda pengkhususan Komunikasi Politik pada tahun 2013.

“Saya kemudian kembali ke UPM selepas menamatkan pengajian di Amsterdam sebagai pensyarah kanan di FBMK pada tahun yang sama,” kata Moniza.

Menurutnya, pelbagai peluang dan pengalaman bekerja yang dianggap luar biasa sepanjang berada di luar negara.

“Di Illinois, sebagai contoh, saya bekerja sebagai pembantu penyelidik dalam Komunikasi Interpersonal dan juga sebagai seorang pembantu pengajar dalam kursus Pengucapan Awam.

“Di Amsterdam, saya bekerja sebagai pembantu penyelidik bagi Projek Majlis Kajian Eropah dan mengajar In-

dalam topik berkaitan Budaya Popular di Malaysia,” katanya.

Dalam pada itu, sejak berkecimpung dalam kajian sains sosial pada tahun 2006, beliau berpeluang untuk membentangkan hasil kajiannya di persidangan antarabangsa di

AS, Belanda, Portugal, Belgium, Peru, Afrika Selatan, Turki, Jepun, Korea Selatan dan Singapura.

Selain itu, beliau berjaya menerbitkan hasil kajiannya dalam jurnal bertaraf Q1 dan Q2 iaitu aras tertinggi dalam penerbitan ilmiah bermutu dan berimpak tinggi.

“Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SK-MM) turut menyediakan geran untuk saya menjalankan kajian mengenai media dengan fokus kajian ini untuk mengkaji isi kandungan yang dikeluarkan suruhanjaya itu mengenai penggunaan In-

ternet secara bertanggung-jawab dalam kalangan belia dan kesan daripada penyebaran maklumat berkenaan,” katanya.

Moniza berkata, geran Inisiatif Putra Muda turut diperoleh untuk menjalankan kajian berkaitan kewartawanan di Malaysia.

“Fokus kajian ini adalah mengkaji peranan wartawan dari sudut kandungan, penulisan berita dan juga persepsi wartawan mengenai tanggungjawab pekerjaan mereka dengan membuat perbandingan antara dapatan kajian di Malaysia dan negara lain dengan jumlah keseluruhan geran sebanyak RM323,046 membabitkan tiga kajian di peringkat antarabangsa dan dua kajian tempatan,” katanya.

Pada masa ini, beliau menyelia dua pelajar peringkat doktor falsafah (PhD), sarjana (4) dan tujuh pelajar ijazah selain penyelia bersama 11 pelajar PhD dan dua pelajar ijazah sarjana.

Headline	Tak salah untuk kita gagal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 28,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,765

**PENCAPAIAN DAN ANUGERAH
PERINGKAT TEMPATAN
SERTA ANTARABANGSA**

info

- Memperoleh geran University of Amsterdam (UvA) untuk menjalankan latihan dan penyelidikan di Seksyen Komunikasi Dalaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York seterusnya menerbitkan artikel bertajuk Values in U.N. Speeches: Understanding the Speechwriters' Perspectives di The International Communication Gazette (2010).
- Memenangi Pingat Emas Yayasan Pak Rashid, UPM (2004).
- Anugerah Pelajar Terbaik FBKM UPM.
- Anugerah Graduan Wanita Cemerlang daripada Persatuan Graduan Wanita Malaysia.
- Dianugerahkan The Wayne Thompson Scholarship Award daripada Western Illinois University (2006 dan 2007).
- Memenangi Top Paper of the Intercultural Communication Division daripada The International Communication Association (2010)
- Dianugerahkan Best Student Conference Presentation daripada The World Communication Association (2011).

“ Yang penting kerja dengan ikhlas dan belajar daripada kegagalan
Dr Moniza Waheed ”

Headline	Tak salah untuk kita gagal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 28,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,765



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah melihat buku yang dihasilkan Dr Moniza (kiri) sambil diperhatikan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris pada Majlis Gemilang Akademia Putra 2015 (MGAP).

Headline	Tak salah untuk kita gagal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 28,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,765





09 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: FAZLINA ROSLI • Section: General News • Page: N20 • Printed Size: 217.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,810.00
PR value: MYR 5,430.00 • Item ID: MY0025966636

PEJATAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Hijrah bantu rakyat Selangor tingkat ekonomi

Oleh FAZLINA ROSLI

SABAK BERNAM: Pinjam-an Hijrah Selangor membuktikan kerajaan negeri bersungguh-sungguh ma-hu membantu golongan peniaga yang kurang ber-kemampuan untuk me-ningkatkan ekonomi me-reka.

Adun Sabak, Ustaz Sale-hen Mokhyi berkata sejak Hijrah diperkenalkan su-dah 1,000 orang yang telah menerima baucar pinjaman untuk memulakan perniagaan dan ada yang menam-bahkan modal.

Katanya, baucar Hijrah ulangtahun pertama Hijrah berkemampuan untuk me-cawangan Sabak Bernam.

Beliau yang juga AJK PAS Pusat berkata, ada yang membuat pinjaman se-banyak RM50,000 dan ber-jaya dalam perniagaan.

Bukan itu sahaja kata-nya, lebih penting mereka telah menunjukkan satu sikap yang begitu amanah dengan membuat bayaran semula pinjaman tersebut.

Menurut beliau, pinjam-an Hijrah itu terbuka ke-pada semua masyarakat dan kerajaan mengalu-alu-kan semua pihak yang tidak



Adun Sabak, Ustaz Salehen bersama penerima baucar Hijrah di Majlis Penyerahan Baucar dan Sambutan Ulang Tahun Hijrah Cawangan Sabak Bernam.



09 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement 1 • Page: F4
Printed Size: 226.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 1,609.00 • PR value: MYR 4,827.00 • Item ID: MY0025966772

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAHAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



Page 1 of 1

Kempen Samalaju disertai mantan MB Selangor

SAMALAJU: Kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-11 bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Samalaju bertambah rancak apabila ia disertai mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Jentera PAS Samalaju dianggap sangat bertuah kerana tokoh korporat itu secara sukarela yang bukan sahaja memberi sokongan malah turut membantu menjayakan kempen pilihan raya negeri kali ini.

Beliau juga sempat bersama-sama jentera bertemu penduduk sekitar serta pengunjung di Pasar

Tamu Bintulu dan mengadakan ceramah kelompok di rumah panjang yang hanya terdapat di Bumi Kenyalang.

Beliau berkata, kehadirannya dalam PRN Sarawak ke-11 bertujuan untuk membalas budi dan bantuan PAS ketika pilihan raya lalu di peringkat Dun dan juga Parlimen.

“Saya sekadar membalas budi rakan-rakan PAS yang telah banyak menolong saya di Ijok, Pelabuhan Klang dan Bandar Tun Razak. Semoga Allah membalas segala budi yang diberikan,”

katanya.

Beliau berkata demikian dalam posting terbaru di laman sosial, facebooknya pada 5 Mei lalu sempena kunjungan beliau beberapa hari di Sarawak untuk membantu jentera PAS khasnya Dun Samalaju.

Malah bukan setakat itu sahaja, Abdul Khalid turut memberi kata-kata semangat supaya setiap ahli PAS terus istiqamah dalam perjuangan menegakkan Islam sepanjang pilihan raya berkenaan.

Sebagai seorang ahli perniagaan yang menekankan

konsep ketulusan, beliau mengingatkan calon PAS agar mementingkan sikap integriti apabila melibatkan urusan kerajaan negeri jika dipilih kelak.

Kata-kata itu berdasarkan pengalaman ketika mentadbir Selangor pada 2008 hingga 2014 yang diuruskan dengan sempurna sehingga negeri itu terus kekal sebagai negeri termaju di Malaysia.

Tan Sri Khalid turut menyatakan keyakinan PAS mampu diterima dengan prinsip yang mengutamakan keadilan dan menolak sebarang penyelewengan yang berlaku.



Calon PAS bagi Dun Samalaju, Zharudin Narudin bersama Tan Sri Khalid Ibrahim bergambar selepas ceramah kelompok di rumah panjang.



09 May 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N20
Printed Size: 83.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 591.00 • PR value: MYR 1,773.00 • Item ID: MY0025966638

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

SRAI perlu ditambah setiap daerah

GOMBAK: Permintaan terhadap penambahan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) amat tinggi memandangkan ibu bapa dan masyarakat mahu anak-anak mereka mendapat pendidikan Islam lebih mantap.

Adun Gombak Setia, Ustaz Hasbullah Mohd Ridzwan berkata, bilangan SRAI di Selangor amat terhad begitu juga di Gombak sekitar empat buah sekolah.

Katanya, empat buah SRAI itu amat tidak mencukupi memandangkan permintaan ibu bapa di kawasan Gombak khususnya di Dun Gombak Setia amat tinggi.

“Saya yakin kerajaan negeri Selangor dapat menambah SRAI di setiap daerah bagi memenuhi ke-

perluan dan permintaan ibu bapa dan masyarakat,” katanya.

Menurut beliau, kurikulum di SRAI merangkumi pelajaran agama dan akademik yang menjadi keperluan masyarakat hari ini.

Katanya, SRAI Sungai Chincin, merupakan sekolah yang mendapat pencapaian akademik terbaik di Dun Gombak Setia.

“Pelajar-pelajar SRAI sebelum diterima masuk perlu menjalani ujian dan temuduga yang dikelola oleh Jawatankuasa khas,” katanya.

Beliau yakin kerajaan negeri akan mempertingkat dan memperkembangkan sistem persekolahan agama di samping memastikan kelangsungan sistem sekolah agama tidak tergugat.



09 May 2016

Harakah, Malaysia

Author: Hsasi < • Section: Supplement 1 • Page: F17 • Printed Size: 373.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 2,655.00
PR value: MYR 7,965.00 • Item ID: MY0025966892

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 1

Istana dan rakyat berpisah tiada



roslansms@gmail.com

SEBAGAI Ketua Agama Islam di negeri masing-masing dan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) di peringkat Persekutuan, Raja-raja Melayu dilihat sebagai payung yang memayungi nasib dan kepentingan umat Islam selain sebagai simbol kedaulatan negeri yang menyatakan rakyat di dalam sesebuah negeri.

Agama Islam serta seluruh institusi yang ditubuhkan bagi mengurus dan mengawalnya terletak di bawah bidang kuasa Raja-raja Melayu. Salah sebuah institusi penting dalam hal ini adalah Lembaga Zakat yang menguruskan wang kutipan zakat di sesebuah negeri.

Baru-baru ini dilaporkan oleh akbar-akbar tempatan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V dan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melawat Projek Pembangunan Ekonomi Asnaf Lembaga Zakat Selangor di Kampung Gong Jenerah, Pasir Putih, Kelantan.

Projek berkenaan diusahakan bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Putih dengan sokongan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah menyalurkan sejumlah RM8.3juta.

Projek yang membabitkan tiga segmen iaitu penempatan berkelompok, pembinaan infrastruktur asas dan projek agroekonomi telah membangunkan projek tanaman cili yang diusahakan oleh seramai 29 asnaf di atas tanah seluar 17 hektar dan kini masing-masing peserta dapat menjana pendapatan RM1,200 sebulan.

Tuanku Sultan berdua telah berkenan menyampaikan kunci rumah kepada para peserta

membabitkan 30 buah rumah lengkap dengan perabot asas pada majlis berkenaan.

Sesungguhnya keprihatinan kedua-dua Tuanku Sultan sehingga berkenan menjalinkan kerjasama, merentas sempadan geografi negeri seumpama ini telah berjaya membuktikan betapa sistem zakat Islam benar-benar dapat membela nasib dan kebajikan umatnya lebih-lebih lagi apabila penguasanya, dalam hal ini Raja-raja Melayu sendiri dapat proaktif dan bersatu tenaga demi agama yang tercinta.

Dan kerjasama seumpama ini diharapkan tidak terhad kepada urusan zakat semata-mata tetapi boleh diliaskan sehingga melibatkan hal ehwal lain berkaitan agama Islam.

Inisiatif dan kebijaksanaan serta keprihatinan Raja-raja Melayu seumpama ini sering meninggalkan kesan yang mendalam ke atas jiwa rakyat jelata khasnya umat Islam.

Hormat dan taat setia rakyat jelata terhadap institusi warisan bangsa dan negara yang disanjung ini akan semakin kental dan kukuh terutama apabila menyaksikan Raja-raja Melayu ke hadapan dalam memberikan tumpuan ketas nasib rakyat jelata.

Islam tidak syak lagi adalah agama penyatu yang menyimpulkan ikatan yang kemas dan kuat hubungan antara Raja-raja Melayu dan rakyat jelata.

Malah menurut sejarah beberapa inisiatif Raja-raja Melayu dalam hal ini terus disebut-sebut sehingga ke hari ini.

Saya teringat membaca salah sebuah karya Allahyarham Datuk Ahmad Boestamam yang

menyebut ketika beliau dalam tahanan keselamatan di zaman pemerintahan British dahulu, Almarhum Sultan Pahang ketika itu telah menziarahi kem tahanan.

Almarhum telah menyapa Allahyarham dan menegaskan kiranya Allahyarham rakyat Baginda, Ahmad Boestamam adalah anak Perak, pasti Almarhum akan menitahkan agar Allahyarham dibebaskan kerana berjuang untuk negara.

Selain itu menurut sejarah Istana Selangor adalah yang terkehadapan dalam kalangan

Raja-raja Melayu khususnya dalam isu keprihatinan terhadap Islam sebagaimana yang dipamerkan oleh Sultan-sultan Selangor sebelumnya dan dicontohi Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini.

Menurut rekod Sultan Selangor yang kelima Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Syah bin Raja Muda Musa yang memerintah Selangor selama 40 tahun dari 1898 hingga 1938 adalah antara Sultan yang banyak menyumbang pada Islam.

Ketika pemerintahan Almarhum, Baginda sangat rapat dan menerima nasihat dari Almarhum Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani seorang ulama dari Patani.

Almarhum membina Masjid Alauddin di Kuala Langat dan Baginda sendiri beberapa kali menyampaikan khutbah Jumaat dan Hari Raya di masjid berkenaan sehingga menambat hati rakyat ketika itu.

Baginda juga turut berkarya dan antara bait-bait puisi nukilan Almarhum berbunyi:

“Agama Islam amat sebenar, peraturannya cukup benar. Tetaplah padanya jangan nanar, beroleh kebajikan yang bersinar ...”

Keprihatinan Almarhum Sultan Alauddin dituruti pula oleh anakanda putera sulung Baginda yang kemudiannya mengantikan Baginda atas takhta iaitu Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah yang kemudian menjadi YDPA yang kedua.

Antara jasa terbesar Almarhum Tuanku terhadap Islam di Selangor adalah apabila Baginda mewakafkan sebuah istana di Jalan Kota Raja Klang untuk dijadikan sebuah Kolej Islam dikenali Kolej Islam Malaya dan kini dikenali Kolej Islam Klang yang juga merupakan salah sebuah kolej Islam yang ternama dalam negara kini.

Jasa dan inisiatif Raja-raja Melayu seumpama ini dan banyak lagi yang tidak sempat dimuatkan terus menjadi sebutan rakyat zaman berzaman. Kerana itulah ketaatsetiaan rakyat terhadap Raja-raja Melayu sukar mahu dikikis buang.

Semoga usaha murni Sultan Kelantan Sultan Muhammad V dan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah diterus dan dilipatgandakan lagi pastinya dengan dukungan dan sokongan rakyat.

Dan semoga kerja-kerja baik dan bermanfaat Tuanku berdua ini dicontohi dan dituruti pula oleh pihak istana yang lain demi meyakinkan rakyat bahawa istana dan rakyat itu sebenar dan sesungguhnya berpisah tiada.

Headline	Rakyat Sarawak beri mesej		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	3	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm ²
Journalist	MOHD HAFIZ ISMAIL	AdValue	RM 3,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,030



Rakyat Sarawak beri mesej

Timbalan Presiden PKR minta pembangkang ambil iktibar, henti berbalah

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM - Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meminta pembangkang supaya mendengar mesej yang cuba disampaikan rakyat Sarawak.

Katanya, mesej rakyat negeri itu cukup jelas pada PRN Sarawak bahawa rakyat menolak pertelingkahan sesama sendiri.

"Pencapaian kita mungkin lebih baik jika sejak awal kita bersatu hati dan bekerjasama seperti kelaziman kita.

"Kita harus akur yang rakan-rakan sekutu kita terus berbeza pendapat da-

lam isu tertentu pada masa hadapan. Namun, keyakinan yang didorong semangat kebersamaan selama ini akan terus membantu kita melangkuai perbezaan ini," katanya.

Menurutnya, walaupun PKR mengekalkan kerusi-kerusinya, kekalahan DAP juga merupakan kekalahan bersama.

"Malah, kekalahan mana-mana ahli dalam pakatan ini adalah satu kekalahan buat PKR.

"Justeru, Parti Amanah Negara (Amanah) dan Pas haruslah terus mara bersama PKR dan DAP. Kita perlu terus bergerak ke hadapan secara bersama bagi menghadapi PRU14 sebagai satu pasukan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut menyeru semua pihak bertemu dan bermuhasabah bagi menguruskan perbezaan demi manfaat bersama sebagai parti politik serta negara.

"Sejujurnya saya yakin bahawa dengan semangat persaudaraan, sikap saling tolak ansur dan saling menghormati, insya-ALLAH kita pasti mampu bangkit," katanya.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Besar Selangor turut mengingatkan calon berjaya pada PRN Sarawak bahawa lebih banyak kerja keras menanti mereka di

hadapan.

"Kepada yang tewas, pengalaman ini menjadi satu pedoman berharga buat kita. Pada masa sama, jangan sekali kita lupa, jiwa besar dan ketabahan semangat adalah kayu ukur sebenar kecekalan kita.

"Lazimnya, keberanian ditafsirkan sebagai semangat juang dan kelantangan bersuara menentang penindasan. Namun ada kalanya kita terlupa, keberanian yang lebih tinggi sebenarnya diperlukan untuk kita insaf merendah diri dan mendengar suara hati orang lain," katanya.



“Sejujurnya saya yakin bahawa dengan semangat persaudaraan, sikap saling tolak ansur dan saling menghormati, insya-ALLAH kita pasti mampu bangkit.”

- Mohamed Azmin

Headline	PKNS lengkapkan misi kerajaan negeri		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	279,000
Page No	25	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	679 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,746



MEMEGANG jawatan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Md Alifiah mempunyai tanggungjawab besar dalam menerajui agensi.

Menurutnya, sepanjang 2015, terlalu banyak pencapaian membanggakan, termasuk diiktiraf sebagai 'Best Affordable Development Awards' daripada Property Insight – Prestigious Developer Award 2015 menerusi projek-projek harta tanah khususnya pembangunan rumah mampu milik.

Percaya mencipta sesbuah kejayaan adalah tidak mudah, Azlan berkata, perkara lebih sukar adalah mengekalkan kejayaan telah dicipta selama ini.

"PKNS akan terus menerajui pembinaan rumah mampu milik yang dirintis sejak beberapa tahun lalu bagi kesejahteraan rakyat.

"Sehingga tahun 2020, PKNS dan kumpulan merancang untuk melaksanakan sebanyak 7,500 unit rumah mampu milik.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,546 unit siap dibina dan didiami oleh pembeli yang layak," katanya.

Inisiatif itu selari dengan sasaran awal kerajaan negeri untuk membina 15,000 unit Rumah Selangorku menjelang 2018.

Selain menerajui projek pembangunan rumah mampu milik seperti yang digagaskan dalam Bajet 2016, PKNS menumpukan kepada empat lagi strategi teras.

Antaranya, memperkuuh sinergi kumpulan bagi memaksimumkan perolehan, mengukuh dan memantapkan pembangunan modal insan, memperkasa tadbir urus korporat Kumpulan PKNS dan

melahirkan generasi usahawan PKNS yang dapat membawa kepada pembangunan rakyat dan ekonomi Selangor.

Pada masa sama, beliau berazam menjadikan isu tanah rizab Melayu sebagai fokus utama dalam kalender pembangunan yang diterajui PKNS.

Menurutnya, kerajaan negeri melihat potensi besar tanah rizab Melayu untuk dimajukan. PKNS melalui anak syarikat ingin mengembangkan fokus untuk membangunkan tanah rizab Melayu.

Bersama tiga anak syarikat dipilih iaitu PKNS Engineering and Construction Sdn Bhd (PECB), Selangor Industrial Corporation (SIC), PKNS Infra Bhd (PIB) dan Selaman Sdn Bhd, memajukan tanah rizab Melayu mempunyai pengalaman luas dalam sektor pembinaan dan pemaiian perumahan. Kebanyakan mereka mempunyai pasaran pengalaman puluhan tahun dalam pembangunan harta tanah.

"Saya fikir sekarang adalah masa paling tepat untuk memberi tumpuan kepada penyediaan rumah kos sederhana tinggi. Lagipun kumpulan berpendapat sederhana tinggi mempunyai pasaran tersendiri serta permintaan perumahan yang berkualiti.

"Matlamat pembangunan tanah rizab Melayu dibina khususnya pembeli Melayu kerana harganya jauh lebih rendah daripada tanah rizab bukan Melayu (tanah biasa) yang dianggarkan 20 hingga 30 peratus di bawah harga pasaran," katanya.

Manakala harga jualan pula bergantung kepada lokasi, saiz dan jenis harta, hak milik harta tanah, reka bentuk dan konsep atau gaya hidup pembangunan (lifestyle).

Melihat potensi anak syarikat PKNS, beliau berasaskan mereka berkebolehan untuk membangunkan tanah bersaiz kecil atau pocket land.

Lagipun kebanyakan tanah rizab Melayu berskala kecil sahaja, sebagai contoh keluasan 2 hingga ke 4 hektar.

PKNS pula akan terus fokus kepada pembangunan tanah dalam saiz keluasan berskala lebih besar.

Dalam masa sama, PKNS kini dalam proses memuktamadkan untuk membeli sebidang tanah berstatus rizab Melayu di Dengkil dengan keluasan 60 hektar.

PKNS lengkapkan misi kerajaan negeri



PROFIL

NAMA: Azlan Md Alifiah

JAWATAN: Pengurus Besar / Ketua Pegawai Eksekutif

AGENSI: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

TEMPOH BERKHIDMAT: 23 Januari 2014 - sekaran

PENGALAMAN:

- Ketua Pegawai Kewangan - Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
- Ketua Risiko, Syariah dan Tadbir Urus - PruBSN Takaful Berhad
- Naib Presiden dan Ketua Strategi Risiko Etiqua Insurance & Takaful dan Malaysia National Insurance Berhad
- Ketua Pegawai Kewangan - Kumpulan Medi Iman Sdn Bhd
- Pengarah A&W Malaysia, Singapura dan Thailand
- Aktauntan di Pemegangan KPFB Sdn Bhd
- Pengurus Kewangan Kanan di Celcom

KESEMPTAN bertemu dengan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Md Alifiah mencungkil beberapa isu harta tanah yang menjadi fokus utama PKNS dalam membangunkan industri ke tahap lebih baik.

Terdapat beberapa isu berkaitan tanah rizab Melayu yang menjadi tumpuan dan perkara berbangkit mengenai perkara itu.

Tidak ramai yang tahu, sejak puluhan tahun lalu pihak PKNS memainkan peranan penting dalam membantu mereka yang mempunyai masalah harta tanah terutama kaum Melayu.

Dalam usaha giat membangunkan tanah tersebut, pihak PKNS kini membantu pemilik harta tanah agar ia dibangunkan untuk kesejahteraan bersama.

Terdapat beberapa sekatan yang terpaksa dilalui pemilik harta tanah terutamanya tanah rizab Melayu untuk membangunkan harta tanah mereka.

Berkongsi petua dan nasihat kepada mereka di luar sana, PKNS mengorak selangkah ke hadapan untuk menyelesaikan kebolehpasaran tanah rizab tersebut.

Apakah cabaran yang dihadapi bagi membangunkan tanah rizab Melayu berbanding harta tanah biasa?

Terdapat beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian iaitu, kumpulan sasar (target buyer), harga jualan, institusi kewangan, lokasi dan kos infrastruktur. Bagi kumpulan sasar, hanya pembeli Melayu dibenarkan untuk membeli dan memiliki tanah itu. Dari segi harga jualan, harta tanah perlu bersaing secara kompetitif dengan pembangunan bukan tanah rizab Melayu lain. Ini kerana harga jualan jauh lebih rendah daripada harga pasaran sebanyak 20 hingga 30 peratus. Keuntungan yang diterima pemaju juga lebih rendah.

Bagi institusi kewangan pula, beberapa bank keberatan untuk membayai projek di atas tanah berstatus



Perbincangan secara semuka menjadi asas penting dalam setiap projek pembangunan.

PKNS bantu pemilik dan pemaju Bumiputera



Azlan (dua, kanan) bersama pemaju yang terlibat dengan pembangunan tanah rizab Melayu.

Bagaimana pula kelebihan memiliki tanah rizab Melayu, adakah ia berbaloi atau tidak?

Kami percaya bahawa setiap tanah mempunyai potensi. Sebagai contoh, kita melihat tanah ini mampu memberi peluang kepada pemaju untuk membangunkan projek kediaman bagi menampung permintaan pembeli Melayu. Kami juga memastikan kumpulan ini mampu memiliki rumah idaman sendiri. Pembangunan tanah rizab Melayu sebenarnya tetap menguntungkan walaupun tidak seluruhnya dengan tanah berstatus biasa.

Pembangunan di atas tanah ini akan meningkatkan nilai harta tanah dan ekonomi setempat. Sekali gus, ia juga meningkatkan gaya hidup sosial orang Melayu terutama di kawasan pinggir bandar. Contohnya, lokasi berhampiran dengan projek-projek terkenal seperti Taman Rimbau, Jalan Kebun.

Selaku anak syarikat PKNS, apakah penglibatan atau pembangunan yang

dilakukan keempat pemaju harta tanah terpilih ini?

Dengan slogan PEBC, 'Dimensi Baru bagi Pembangunan Tanah Rizab Melayu' memberi pandangan yang baru kepada pembangunan rizab Melayu dengan menyediakan produk yang berkualiti tinggi serta reka bentuk moden dan terkini. Sebagai salah satu anak syarikat PKNS, PEBC juga melaksanakan konsep pembangunan 'mainstream' dengan mengambil pendekatan menyediakan kemudahan seperti 'conceal drainage', jalan luas dan kabel bawah tanah.

Manakala SIC pula menggalakkan pembangunan mampan termasuklah penggunaan elemen bangunan hijau dan sistem 'rain water harvesting'. Bagi PIB, mereka juga menerapkan pembangunan yang berunsurkan elemen hijau. Melalui inisiatif yang diberikan oleh anak-anak syarikat PKNS, ia akan membawa imej baharu kawasan perumahan tanah rizab Melayu ke satu tahap baharu.

Sekiranya pemilik tanah rizab Melayu ingin menjalankan usaha sama dengan PKNS atau anak syarikat bagi pembangunan tanah tersebut, apakah kriteria dan langkah perlu diambil pemilik tanah?

Mereka perlu mengemukakan tawaran atau cadangan untuk pembangunan yang dimaksudkan. Anak syarikat PKNS sebagai contoh akan melakukan penilaian terlebih dahulu sebelum proses pembangunan dilaksanakan.

Kajian terhadap fleksibiliti dari segi kebolehpasaran produk dan nilai pulangan pembangunan yang menarik sebelum memuktamadkan sesuatu projek usaha sama itu.

Bagi menghidupkan semua tanah-tanah rizab Melayu terpinggir, apakah solusi dan harapan terhadap pembangunan yang akan dilaksanakan PKNS di masa hadapan?

Harapan kami agar permintaan pemilikan dan jualan tanah ini akan terus berlangsung dan sentiasa menjadi pilihan khususnya warga Bumiputera. Biarpun pelbagai halangan dan dugaan perlu diatempuh, anda dinasihatkan jangan putus asa. Saya berharap tanah jenis ini secara berterusan menjadi permintaan tinggi daripada kalangan pembeli Melayu. Ia adalah langkah untuk meningkatkan jualan projek itu di tanah Rizab Melayu. Biarpun kos infrastruktur kadang kala mengganggu pembangunan kerana kosnya agak tinggi dan di luar kemampuan pemilik tanah.

Bagi merancangkan pembangunan di atas tanah rizab Melayu adalah penting buat agensi kerajaan atau kerajaan sendiri menyediakan infrastruktur asas di sekeliling tanah tersebut. Kami percaya dapat menarik lebih ramai pembeli Melayu untuk memiliki kediaman di tanah rizab Melayu, dan Kumpulan PKNS akan sentiasa memenuhi permintaan dengan menyediakan kediaman berkonseptan pembangunan mampan. Bukan itu sahaja, ia harus didatangi dengan reka bentuk moden, kawalan keselamatan efektif dan persekitaran harmoni.



09 May 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: HAFEZDZULLAH HASSAN • Section: Nasional • Page: 35
Printed Size: 511.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 8,716.00 • PR value: MYR 26,148.00 • Item ID: MY0025971274

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com

Page 1 of 2

PIBG bantah projek pangsapuri

Lokasi tidak strategik tambah kesesakan trafik, ancam keselamatan pelajar

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM — Jawatankuasa Bertindak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Subang Bestari sepakat membantah pelaksanaan projek pembinaan pangsapuri 16 tingkat berhadapan dengan sekolah berkenaan di Subang Bestari, Seksyen U5, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak PIBG, Abdul Razak Mohammad, 45, berkata, pelaksanaan projek akan menyebabkan wujudnya isu klasik tengah bandar seperti kesesakan lalu lintas, keselamatan pelajar dan parkir bertindih.

"Sekarang ini kawasan sedia sesak terutamanya apabila ibu bapa mengambil dan menghantar anak mereka kerana sekolah ada dua sesi.

"Kesesakan secara tak langsung akan menyebabkan parkir bertindih, mengganggu lalu lintas dan menyukarkan penduduk serta ibu bapa keluar masuk ke kawasan sekolah dan pangsapuri," katanya kepada Sinar Harian, di sini, semalam.

Menurutnya, projek pangsapuri juga tidak sesuai dibangunkan di lokasi berkenaan kerana kedudukannya tidak strategik.

"Projek berkenaan hanya 50 meter dari sekolah dan bersempadan secara langsung dengan pencawang elektrik 33 kilovolt Amp (KVA) serta stesen minyak."

"Laluan masuk ke tapak pangsapuri juga tidak praktikal kerana jaraknya cuma 100 meter dari jalan utama," katanya.

Beri kesan persekitaran

Katanya, pelbagai masalah akan wujud dan memberi kesan kepada

persekitaran serta ketenteraman penduduk apabila pembinaan projek dijalankan kelak.

"Jalan dan binaan rumah akan rosak... kemungkinan permaju gagal mematuhi syarat pembinaan seperti tak menyediakan perangkap lumpur dan sebagainya.

"Pencemaran bunyi, habuk, asap kesan daripada keluar masuk kenderaan berat juga akan memberi kesan kepada suasana pembelajaran dan aktiviti kokurikulum pelajar SK Subang Bestari," katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan negeri seharusnya mengambil kira faktor berkenaan sebelum meluluskan projek pembangunan itu.

"Sepatutnya mereka fikir untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat bukan menyesakkan penduduk di kawasan komuniti yang padat.

"Mereka juga mesti menawarkan penduduk dengan kedaiaman yang harmoni dan bebas masalah yang dihadapi penduduk bandar," katanya.

Sehubungan itu, satu memorandum diserahkan kepada kerajaan negeri supaya Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dapat menilai dan menimbang semula projek yang direncanakan.

"Kami tak menolak pembangunan tetapi kami bantah projek pangsapuri ini dilaksanakan di depan sekolah ini.

"Kerajaan negeri boleh melaksanakan projek pangsapuri ini di mana-mana lokasi yang mereka hendaki tetapi bukan di sini, di tempat yang sedia sempit dan terhimpit,"

katanya.

Janji teliti aduan

Sementara itu, Mohamed Azmin ketika mengulas isu terbabit berkata, pihaknya akan meneliti memorandum bantahan yang dikemukakan Jawatankuasa Bertindak PIBG SK Subang Bestari itu.

"Saya menyatakan bahawa pembangunan itu penting dan kita juga mahu jaga kesejahteraan dan keharmonian rakyat di sekitarnya," katanya.

Menurutnya, perkara itu akan diteliti bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk mempertimbangkan permintaan PIBG sekolah berkenaan.

"Mereka kata terlalu dekat dengan sekolah dan saya dah jelaskan dasar kerajaan negeri kita tak boleh bina Rumah Mampu Milik di kawasan pedalaman semata-mata untuk kurangkan kos

"Kalau kerajaan negeri nak ambil jalan mudah untuk kurangkan kos kita boleh buat di kawasan pedalaman tetapi tak adil bagi mereka ditolak ke kawasan desa," katanya.

Katanya, projek pangsapuri dibangunkan di kawasan berkenaan kerana mahu penduduk menikmati hidupan lebih baik di tengah bandar.

"Mereka berpendapat kecil dan sederhana, lebih baik jika lokasi dekat dengan sistem pengangkutan awam dan sekolah.

"Kami mahu supaya anak-anak mereka dapat ke sekolah tanpa kendalian, sekali gus menjimatkan kewangan keluarga mereka," katanya.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: HAFEZDZULLAH HASSAN • Section: Nasional • Page: 35
Printed Size: 511.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 8,716.00 • PR value: MYR 26,148.00 • Item ID: MY0025971274

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



AJK Bertindak PIBG SK Subang Bestari bersama sepanduk bantahan di depan tapak projek pangsapuri itu ketika Majlis Pelancaran Dan Pendaftaran Rumah Selangorku.

Kedudukan SK Bestari Subang Seksyen U5 hanya dipisahkan oleh sebatang jalan dengan jarak 50 meter dari tapak projek pangsapuri berkenaan.

Headline	Swan dakwa tiada perkembangan terbaharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	67 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 660
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,979



Swan dakwa tiada perkembangan terbaharu

SHAH ALAM – Presiden Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Swan), Muhammad Tariq Loong Abdullah mendakwa Kerajaan Selangor tidak memberi sebarang perkembangan berhubung projek Horas.

Muhammad Tariq berkata, pihaknya hanya mengetahui bahawa projek Horas itu hanya efektif dalam musim

yang biasa.

"Bagi musim yang luar biasa seperti El Nino atau kemarau, Horas itu dipercayai tidak berapa berkesan.

"Segi status projek itu, Kerajaan Negeri sudah lama tiada sebarang perkembangan kepada rakyat," katanya kepada Sinar Harian mengulas perkembangan tersebut.

Menurutnya, tambahan pula, se-

karang memang susah muah dapat status empangan dan simpanan air simpanan di Selangor sekarang.

"Semua maklumat tidak seperti Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dulu. Susah nak ambil tahu tahap simpanan bekalan air.

"Kalau tidak salah saya, simpanan air belum lagi mencapai tahap 10% ke atas," katanya.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 186.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,172.73
PR value: MYR 9,518.19 • Item ID: MY0025971277

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahorang@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

KRONOLOGI

Kronologi Projek Horas

15 Mac 2014

BESTARI JAYA - Bagi menambah bekalan air mentah kepada pengguna di Lembah Klang, Kerajaan Negeri melaksanakan projek Horas 600 yang dijangka siap Julai 2015. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata projek yang dibangunkan di kawasan bekas lombong bijih timah seluas 235 hektar di Kampung Sungai Darah itu mampu membekalkan air bersih antara 600 hingga 700 Juta Liter Sehari (JLH).

13 Jun 2014

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor digesa mendedahkan analisis kandungan bekalan air menerusi pelaksanaan projek Horas. Katanya walaupun Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim memberi pelbagai jaminan namun rakyat Selangor berhak untuk mengetahui mengenai keselamatan sumber air daripada projek Horas itu.

29 November 2014

PUTRAJAYA - Menteri Besar,

Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata projek Horas 600 yang dibangunkan Kerajaan Selangor menunjukkan perkembangan projek 35 peratus. "Sebab itu kita mahu memastikan projek Horas 600 ini dapat disiapkan September 2015," katanya

9 April 2015

SHAH ALAM - Exco Insfrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib memaklumkan projek Horas 600 berjaya membekalkan air mentah sejumlah 160 juta liter sehari sejak April 2014 walaupun belum siap sepenuhnya. Katanya, ia mampu menampung keperluan air mentah tambahan 300 juta liter sehari untuk projek Mitigasi 2 apabila projek itu siap sepenuhnya, pada September 2015.

19 Julai 2015

SHAH ALAM - Projek Horas 600 mampu menampung keperluan air mentah tambahan 300 juta liter sehari (JLH) untuk projek Mitigasi 2 apabila kolam Horas fasa 1 itu siap sepenuhnya, pada September ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib berkata menerusnya tiga loji rawatan terlibat mampu membekalkan 436 JLH kepada Petaling, Shah Alam dan Klang. "Projek Mitigasi 2 tidak akan berjaya jika tidak ada bekalan air mentah mencukupi. Sebab itu kita mahu memastikan projek ini disiapkan September ini," katanya

29 Mac 2016

SHAH ALAM - BN Selangor mempersoalkan tindakan kerajaan negeri tergesa-gesa meluluskan pembinaan dua loji rawatan air (LRA) baharu sedangkan sepatutnya menyiapkan dahulu Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) di Sungai Selangor untuk menampung bekalan air. Ketua Penyelaras Dun BN Selangor Datuk Mat Nadzari Mat Dahlan menyifatkan pembinaan dua LRA dengan peruntukan RM800 juta itu sebagai satu pembaziran berikutan projek Horas di Bestari Jaya yang dibina pada Mac 2014 masih tergendala.

Headline	Kerajaan negeri punca rakyat rugi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,802



Kerajaan negeri punca rakyat rugi

SUBANG JAYA – “Kalau kerajaan negeri tak tunjuk pandai masa mereka mula perintah Selangor, saya ingat duit rakyat pun tak rugi RM800 juta bagi pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) yang baharu,” kata Pengurus Majlis Tindakan Persekutuan Selangor, Datuk Seri Noh Omar.

Beliau berkata, disebabkan sikap ‘nak tunjuk pandai’ dan tidak memberi kerjasama ketika proses awal pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2), rakyat terpaksa menganggung akibat dan kerugian.

Lebih dikecewakan, projek Horas yang kini bagi menggantikan Langat 2 masih tidak menunjukkan hasil.

Sebaliknya katanya, yang mendapat keuntungan adalah kontraktor yang mengeluarkan pasir.

Kerajaan BN yang memerintah Selangor sejak merdeka katanya, sudah nampak masalah air akan berlaku dalam tempoh 20 tahun namun ia tidak berlaku dalam pimpinan kerajaan negeri sekarang.

“Dulu mereka nak tunjuk pan-

dai... persoal mengapa mesti bawa air dari Pahang dan ambil tindakan sendiri dengan membuat sistem Horas yang kini masa itu nak sedot air dari tasik dan sebagainya.

“Tetapi terbukti hingga hari ini apa yang mereka usahakan tidak menjadi kenyataan dan akhirnya terpaksa akur bahawa perancangan kerajaan BN jauh lebih baik,” katanya.

Perkara itu jelas terbukti apabila Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali baru-baru ini membuat kenyataan bahawa Selangor akan menghadapi masalah air kritis menjelang dua tahun lagi jika loji Langat 2 tidak siap.

Noh berkata, Langat 2 masih tidak siap dan baru dapat dimulakan kerana kesalahan kerajaan negeri yang sepertutnya melebihkan kepentingan rakyat sebelum ini.

“Sekarang kita lihatlah... disebabkan lambat siap, kerajaan negeri terpaksa belanjakan RM800 juta pula untuk membuat LRA baru untuk menampung air sementara Projek Langat 2 siap,” katanya.



Selain projek Horas, Noh turut mempersoalkan kelewatan projek Langat 2.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 124.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,115.15
PR value: MYR 6,345.45 • Item ID: MY0025971279

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahorasong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Perbincangan berterusan

KLANG - Projek Hybrid Off River Augmentation System (Horas) 600 yang dibina bagi menampung keperluan air mentah tambahan penduduk Selangor masih lagi berjalan seperti biasa sebagaimana yang direncanakan dua tahun lalu.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi Dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, projek berkenaan penting diteruskan bagi mempelbagaikan sumber air mentah di negeri ini.

"Memang isu air ini terutamanya yang melibatkan empangan, projek mitigasi dan Horas dibincangkan secara berterusan terutamanya pada musim kering seperti ini.



NIK NAZMI

"Apabila ada keperluan sahaja Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan panggil untuk membincangkan perkara ini sama ada di dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)," katanya.

Menurutnya, Horas penting diteruskan bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk menampung keperluan rakyat Selangor.

"Statusnya masih lagi berjalan dan kerajaan negeri sentiasa memastikan projek berkenaan siap secepat mungkin," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas secara terperinci mengenai projek berkenaan kerana ia berada di bawah portfolio Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.

Sinar Harian berusaha mendapatkan kenyataan daripada Zaidy namun masih gagal.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 272.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,639.69
PR value: MYR 13,919.07 • Item ID: MY0025971278

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Projek Horas berjalan dengan baik

MB sahkan projek berkenaan masih diteruskan seperti dirancang

SHAH ALAM- Kerajaan negeri mengakui Projek Hybrid off River Augmentation System (Horas) 600 yang diadakan tertangguh sejak tahun lalu berjalan lancar.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, projek yang dilaksanakan kerajaan negeri itu berjalan dengan baik.

"Syukur alhamdulillah... projek ini berjalan lancar, pembinaan Horas ini dapat membekalkan air ke dalam sungai-sungai di Selangor."

"Kita juga ada kolam-kolam di Bestari Jaya yang mencukupi untuk membekalkan

keperluan air mentah ke dalam sungai-sungai di negeri ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, pada zaman pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim beliau telah membangunkan Horas di kawasan bekas lombong bijih timah seluas 235 hektar di Kampung Sungai Darah yang dikatakan mampu membekalkan air bersih antara 600 hingga 700 Juta Liter Sehari (JLH).

Beliau berkata, langkah itu dilakukan bagi menambah

bekalan air mentah kepada pengguna di Lembah Klang yang mana projek tersebut dijangka siap Julai 2015 lalu.

Horas 600 adalah kaedah penakungan stormwater dan air bawah tanah dialir terus ke Lembangan Sungai Selangor melalui gabungan Off River Storage (ORS) dan Horizontal Collector Well yang terletak di Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Projek ini dianggarkan bernilai RM700 juta secara keseluruhan dan daripada jumlah itu, RM200 juta diper-


untukkan bagi menampung kerja sampingan, pembelian tanah, pam dan lain-lain.

Manakala bakinya,

RM500 juta pula bagi menampung kos gali kolam yang ditanggung Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dengan imbal balik penjualan pasir.

KSSB dilantik kerajaan negeri menerusi Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sebagai kontraktor bertanggungjawab mengorek kolam takungan seluas 166 hektar dengan kedalaman 23.5 meter dari paras bumi.

“ Syukur alhamdulillah... projek ini berjalan lancar, pembinaan Horas ini dapat membekalkan air ke dalam sungai-sungai di Selangor.” - Azmin



Pembinaan Horas dijangka dapat membekalkan air ke dalam sungai-sungai di Selangor.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 1,36 • Printed Size: 626.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,678.00
PR value: MYR 32,034.00 • Item ID: MY0025971260

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@negeris.com.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



Apa status projek Horas?: Adun BN

Wakil rakyat BN persoalkan keberkesanan perancangan kerajaan negeri sehingga projek tertangguh

SHAH ALAM – Projek Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) sepatutnya sudah beroperasi seperti mana yang dirancang akan berfungsi pada September 2015.

Adun Permatang Datuk Sulaiman Abdul Razak berkata, mengikut laporan Projek Horas, sepatutnya projek itu sudah beroperasi, namun sehingga kini ia masih tidak berfungsi.

“Sehingga kini, banyak masalah yang wujud, projek itu masih tidak beroperasi. Selain itu rumah pam yang bernilai kira-kira RM12 juta juga tidak dapat disiapkan.

“Sudah tentu projek itu tidak dapat menjana air seperti yang dimaklumkan oleh kerajaan negeri,” katanya yang mengulas perkembangan tersebut kepada Sinar Harian semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak nampak apa alasan kuat untuk mewujudkan Horas.



"Kerajaan negeri hanya memaklumkan sekiranya bekalan air tidak mencukupi, Horas akan menjadi satu sumber air, namun yang jelas sehingga hari ini ia tidak berfungsi.

"Saya juga tidak berkeyakinan terhadap jawatankuasa Exco baha-wa projek itu akan dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang dicadangkan," katanya.

Projek Horas yang dimulakan pada Mac 2014 oleh Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim adalah bagi menambah bekalan air mentah di Lembah Klang, terutama

pada musim kering atau kemarau.

Projek itu merupakan gabungan sistem penakungan lebihan air daripada penggunaan loji rawatan serta air hujan dan penakungan air bawah tanah membabitkan pembinaan kolam takungan seluas 166 hektar dengan kedalaman 23.5 meter.

Kos pembinaan Horas termasuk kerja-kerja mengorek kolam dianggaran sebanyak RM405 juta namun sebahagian kos itu akan ditanggung secara kontra dengan nilai pasir yang dikeluarkan oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang dianggarkan se-

banyak RM100 juta.



Abdul Khalid (tengah) melihat replika projek Horas ketika majlis pecah tanah projek itu pada Mac 2014.



Reformasi pihak berkuasa tempatan



Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengharumkan nama negara apabila diberi dua pengiktirafan antarabangsa baru-baru ini. Pada 22 Mac, ia menerima Anugerah Smart City Innovation Application 2016 di Taipei World Centre dan pada 4 April, menerima Anugerah The Green Era Award 2015 di Persidangan Green Economy Forum 2016 di Jerman.

Penilaian Smart City Innovation Application berdasarkan inisiatif hijau yang dilaksanakan ke arah melestarikan bandar hijau. Manakala The Green Era Award berdasarkan kepuasan pelanggan, kepimpinan, pendidikan berterusan dan perdagangan.

Kita bangga apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) kita menerima pengiktirafan antarabangsa. Lebih penting lagi, kita mengharapkan agar semua PBT kita akan menyediakan perkhidmatan yang lebih bermutu. Di sinilah letaknya dua persoalan penting tentang PBT, iaitu, pilihan raya dan reformasinya.

Kita pernah mengadakan pilihan raya PBT sejak 1950-an sehingga ia digantung pada 1965. Sejak lama, ramai, termasuk saya,

mendesak ia diadakan semula. Penghujahan dan manfaat ia diadakan semula mengatas alasan-alasan untuk tidak mengadakannya.

Mutakhir ini, Kerajaan Pulau Pinang

dan Selangor berusaha mengisi kekosongan itu. Pulau Pinang ingin mengadakannya, tetapi Akta Kerajaan Tempatan tidak mengizinkannya. Selangor melantik perwakilan CSO sebagai Ahli Majlis PBT.

Namun, sekalipun pilihan raya PBT dapat diadakan, reformasi PBT tetap perlu dilaksanakan. Reformasi PBT tidak bermakna sekiranya dilaksanakan sekadar dengan transformasi yang beransur-ansur. Ia mesti komprehensif dan radikal. Asasnya mestilah partisipasi rakyat dalam membuat keputusan – “Pemberdayaan Rakyat”.

Ini merujuk kerangka pembangunan rakyat akar umbi secara bersepada, inklusif, berimbang dan dinamik, berlandaskan nilai, dan dibangunkan sendiri.

Matlamatnya ialah meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat akar umbi. Ia akan memberi makna kepada maksud pembangunan komuniti tempatan; mengisi kewujudan PBT sebagai peringkat ketiga dalam pentadbiran awam; dan

meningkatkan partisipasi rakyat dalam PBT. Keseluruhan proses ini meliputi banyak perkara. Tetapi, ia boleh dimulakan dengan lima langkah strategik:

Menubuhkan “Majlis Musyawarah Rakyat” (MMR) iaitu parlimen akar umbi yang dianggotai semua pemegang taruh tempatan (politik/awam, perniagaan dan masyarakat sivil). Ia meluaskan penglibatan semua dalam pembuatan keputusan, iaitu menggunakan pendekatan *participatory democracy*. Peranan MMR ialah: memberi cadangan bagi meningkatkan dasar, program, strategi dan aktiviti pembangunan tempatan; menganjurkan aktiviti-aktiviti; dan menilai pelaksanaan dan keberkesanannya.

Menganjurkan “Aktiviti-aktiviti Pemberdayaan Rakyat” yang dicetus,

dilaksana dan dinilai sendiri oleh rakyat akar umbi dan digerakkan dengan semangat kekeluargaan, kejiranan, kesukarelaan dan kesedaran sivik.

Melaksanakan “Reformasi Institusi PBT”, iaitu meningkatkan urus tadbir PBT secara menyeluruh, antaranya, menggunakan pendekatan perundingan dengan semua pemegang taruh, pegawai dan kakitangan yang profesional, sistem yang terkini, budaya kerja cemerlang dan teknologi pengurusan yang canggih. Objektifnya ialah meningkatkan profesionalisme dan mutu perkhidmatan; perbelanjaan berhemah; dan basmi pembaziran, ketirisan dan rasuah.

Mengadakan “Dialog Belanjawan” (participatory budgeting) iaitu memberdayakan rakyat untuk menentukan sebahagian daripada Belanjawan PBT dan kerajaan negeri untuk PBT dicadang, dibelanja dan dinilai oleh mereka. Ia dapat meningkatkan ketelusan, dampak dan kemapanan belanjawan ke atas program-program pembangunan tempatan.

“Penarafan Global” sebagai langkah penilaian. Ini lebih baik daripada sekadar penarafan sesama kita. Dua anugerah diraih MPSJ adalah antara contohnya. Tetapi, sebaik-baiknya kita menarafnya dengan inisiatif antarabangsa tertinggi dan komprehensif, contoh, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Namun, janganlah ulangi kelemahan kita ketika menyertai Local Agenda21 PBB dahulu. Kini, peluang terbaik dengan serta Sustainable Development Goals 2030 (SDG 20130).

#Datuk Saifuddin Abdullah ialah Ketua Setiausaha Pakatan Harapan dan bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Beliau aktif di Twitter: @ saifuddinabd.



09 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 62.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 610.00
PR value: MYR 1,830.00 • Item ID: MY0025971292



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pas umum tanding Parlimen Sungai Besar, Kuala Kangsar

SHAH ALAM - Pas mengumumkan akan bertanding pada dua pilihan raya kecil (PRK) berikutan kematian dua ahli parlimen dalam naas helikopter di Sebuyau, Khamis lalu.

Menerik laporan *Harakahdaiyly.net*, Ketua Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali berkata, kawasan parlimen terbabit adalah Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar di Perak.

"Calon Pas kalah tipis 399 undi di Sungai

Besar manakala tewas 1,000 undi di Kuala Kangsar pada PRU lalu," katanya ketika berucap merasmikan Himpunan Jentera Pilihan Raya Pas Pahang di Kompleks Al-Makmur, Kerdau, Temerloh, semalam.

Pada kejadian 5 Mei lalu, Ahli Parlimen Sungai Besar, Datuk Noriah Kasnon dan Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khair-il Wan Anuar terkorban dalam naas helikopter itu.

LENSA

Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Ibu perlu jadi kawan

Kongsi kehidupan selami masalah anak, bantu hadapi cabaran masa kini

■ HAFIZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM – Ibu hari ini perlu lebih bijak mengawasi anak dengan lebih berkesan dalam era dunia serba moden.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis), Datin Seri Shamshida Taharin berkata, penting untuk ibu pada zaman ini mengikuti perkembangan semasa untuk mengawasi anak-anak sekarang yang sangat bijak.

"Situasi sekarang makin mencabar.. dunia tanpa sempadan, semuanya berada di hujung jari dengan telefon pintar dan sebagainya."

"Ibu perlu lengkapkan diri dengan ilmu supaya dapat membantu anak-anak kita menghadapi cabaran hidup pada masa ini," katanya ketika merasmikan majlis Sambutan Hari Ibu Pekawanis peringkat negeri Selangor 2016, di sini, semalam.

Menurutnya, sebagai ibu mesti tahu serba sedikit menggunakan teknologi hari ini supaya dapat masuk ke dunia anak-anak sekali gus mengawasi perkembangan mereka.

"Kita perlu berkawan dengan anak untuk berkongsi kehidupan bagi menyelami masalah mereka. Setiap anak ada personaliti berbeza.. Mereka juga ada minat, kelebihan dan kekurangan masing-masing."

"Kita perlu menerima cara mereka dan berkongsi rasa tanpa perlu mengetepikan status seorang ibu," katanya.

Dianggarkan 1,000 tetamu hadir meraikan Majlis Sambutan Hari Ibu Pekawanis yang berlangsung selama tiga jam itu.

Majlis turut dimeriahkan dengan ceramah daripada Pakar Sakit Puan, Prof Dr Harlina Halizah Siraj dan dendangan daripada penyanyi tanah air, Wan Aishah Wan Ariffin yang pernah popular dengan lagu Janji Manismu.

Turut hadir, Ibu Shamsida, Siti Rahmah Ismail dan ibu mertuanya, Che Tom Yahaya yang juga ibu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.



Shamshida tidak melepaskan peluang bergambar bersama ibu kandung dan ibu mertuanya pada majlis berkenaan.



Shamsida (tengah) menyuplai pulut kuning ke mulut ibunya, Siti Rahmah (kiri) sambil diperhatikan ibu mertuanya.



Bumbung garaj hempap bilik

Tiga beranak terkejut buni dentuman selepas hujan lebat

KAMPUNG BUKIT CHERAKA

Buni dentuman mengejutkan sepasang suami isteri sebelum menyedari bumbung garaj cuci kereta menghempap bilik dan ruang dapur rumah mereka dalam musibah ribut, lewat petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 petang itu, mangsa ribut, Norzizi Sairi, 30, bersama isteri dan seorang anak mereka sedang berehat dalam rumah sebelum dikehujung buni dentuman selepas hujan lebat.

Menurutnya, hujan lebat melanda kampung itu kira-kira jam 6.30 petang sebelum kedengaran buni angin kuat.

"Masa hujan lebat tu kami sepakat duduk dalam rumah, tak lama lepas tu buni angin kuat sebelum terdengar dentuman dan kami terus keluar rumah sebab terkejut."

"Masa tu baru nampak bumbung garaj di sebelah rumah diterbangkan angin dan hempap bumbung ruang bilik.. muijur emak tak ada dalam bilik tu sebab ke rumah kakak di Tanjung Karang."

"Kalau ada mungkin mak-



Norzizi menunjukkan kererosakan rumahnya akibat musibah ribut kelmarin.

terkejut atau kena serangan jantung sebab buninya kuat sangat," katanya yang tidak dapat menjalankan aktiviti cuci kereta buat sementara waktu di Jalan Rizab Haji Omar.

Katanya, kejadian ribut itu menjelaskan sebahagian rumah dan bumbung Pejabat Persatuan Kebajikan Keluarga Haji Omar & Hajah Saadiah.

"Musibah ribut sebelum ini tak pernah sampai bumbung terbang, tapi kali ni teruk."

"Ruang dalam pejabat keluarga pun banjir sebab bumbung rosak... ada juga kedai

kawasan sini kena tempias ribut tu cuma mungkin tempat saya paling teruk," katanya yang kerugian kira-kira RM6,000.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Kampung Bukit Cheraka, Tumirin Rebo berkata, setakat ini pihaknya hanya menerima satu laporan kererosakan rumah membabitkan bahagian garaj.

"Saya nasihatkan mangsa ribut buat laporan polis dan simpan bukti bergambar untuk rujukan," katanya.

Kesak semarakkan semangat kejiraninan

TANJONG KARANG – Kelab Sukan dan Kebajikan Penduduk Tanjung Karang (Kesak) menyemarakkan lagi semangat kejiraninan dengan menganjurkan aktiviti gotong-royong mengecat rumah warga emas di Kampung Sungai Tengi Kanan Darat.

Pengerusinya, Arbaie Sahlan berkata, Program Amal Sentuhan Kasih Kesak yang julung kali diadakan itu bertujuan meringankan beban keluarga M Wardi Miskon.

"Aktiviti sukarelawan ini melibatkan penduduk yang juga anak jati kampung ini bersama dengan memberi sumbangan bagi membiayai kos gotong-royong sekali gus menjayakan misi khidmat masyarakat."

"Saya difaharnkan, tuan rumah yang kini uzur sudah membaiki kererosakan rumah dengan modal sendiri dan sedikit sebanyak per tolongan Kesak dapat menceriakan rumahnya," katanya.

Arbaie berkata, Kesak terpanggil untuk membantu kerana mahu menyemai semangat murni dalam kalangan penduduk

supaya dapat berkhidmat mengurangkan beban mereka yang kurang berkemampuan.

"Bahkan Kesak menyarankan penduduk tak kira umur dan perbezaan fahaman politik dapat bersatu serta membantu antara satu sama lain supaya tiada yang tercincir dari arus pembangunan," katanya.

Sementara itu, M Wardi menyuarakan kesyukuran dan terharu apabila ada NGO peringkat kampung yang datang membantu membersihkan dan mengecat rumahnya, lebih-lebih lagi menjelang Ramadan.

"Kami sekeluarga berterima kasih kepada semua yang membantu dan cukup gembira apabila ada orang yang sudi meringankan beban dan mencantikkan rumah kecil kami."

"Mudah-mudahan jasa mereka ini di berikan ganjaran pahala.. terima kasih sangat-sangat sebab pilih rumah pakcik untuk program ini," katanya.

Hadir sama pada program berkenaan, mantan imam Masjid At-Taqwa Sungai Tengi Kanan Darat, Ahmad Zainuddin.



Arbaie (belakang, dua kiri) bersama sebahagian penduduk kampung di rumah M Wardi sempena Program Amal Sentuhan Kasih Kesak.

600 penduduk gotong-royong bantu PBT pelihara alam sekitar



Sebahagian peserta Program Gotong-Royong Perdana 2 Puncak Alam di pekarangan pejabat Puncak Niaga Holdings Bhd.

PUNCAK ALAM – Inisiatif penduduk bersama Puncak Niaga Holdings Bhd membersihkan kawasan penempatan ini mampu membantu mengurangkan risiko wabak denggi.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala

Selangor, Azahari Sairin berkata, usaha melibatkan 600 penduduk ini juga mampu membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) memelihara alam sekitar.

"Saya berharap usaha seperti ini dapat menggalakkan lagi program

pengindahan bandar, terutama kemen merangi wabak denggi yang berlangsung sehingga Jun ini."

"Usaha ini juga diharapkan dapat diteruskan lagi dari semasa ke semasa," katanya sempena Program Gotong-Royong Perdana 2 Puncak

Alam di pekarangan pejabat Puncak Niaga Holdings Bhd.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Puncak Niaga Holdings Bhd, Datuk Mat Hairi Ismail berkata, kerjasama penduduk dan peserta program membuktikan kesungguhan untuk

memberi manfaat kepada kepentingan umum.

"Penduduk Puncak Alam dapat bersatu demi menjaga kebersihan dan keselamatan sekali gus meningkatkan kesedaran memulihara alam sekitar," katanya.

Kerajaan negeri punca rakyat rugi

SUBANG JAYA – “Kalau kerajaan negeri tak tunjuk pandai masa mereka mula perintah Selangor, saya ingat duit rakyat pun tak rugi RM800 juta bagi pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) yang baharu,” kata Pengurus Majlis Tindakan Persekutuan Selangor, Datuk Seri Noh Omar.

Beliau berkata, disebabkan sikap ‘nak tunjuk pandai’ dan tidak memberi kerjasama ketika proses awal pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2), rakyat terpaksa menanggung akibat dan kerugian.

Lebih dikecangkan, projek Horas yang kononnya bagi menggantikan Langat 2 masih tidak menunjukkan hasil.

Sebaliknya katanya, yang mendapat keuntungan adalah kontraktor yang mengeluarkan pasir.

Kerajaan BN yang memerintah Selangor sejak merdeka katanya, sudah nampak masalah air akan berlaku dalam tempoh 20 tahun namun ia tidak berlaku dalam pimpinan kerajaan negeri sekarang.

“Dulu mereka nak tunjuk pan-

dai... persoal mengapa mesti bawa air dari Pahang dan ambil tindakan sendiri dengan membuat sistem Horas yang kononnya masa itu nak sedut air dari tasik dan sebagainya.

“Tetapi terbukti hingga hari ini apa yang mereka usahakan tidak menjadi kenyataan dan akhirnya terpaksa akur bahawa perancangan kerajaan BN jauh lebih baik,” katanya.

Perkara itu jelas terbukti apabila Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali baru-baru ini membuat kenyataan bahawa Selangor akan menghadapi masalah air kritis menjelang dua tahun lagi jika loji Langat 2 tidak siap.

Noh berkata, Langat 2 masih tidak siap dan baru dapat dimulakan kerana kesalahan kerajaan negeri yang sepatutnya melebihkan kepentingan rakyat sebelum ini.

“Sekarang kita lihatlah... disebabkan lambat siap, kerajaan negeri terpaksa belanjakan RM800 juta pula untuk membuat LRA baru untuk menampung air sementara Projek Langat 2 siap,” katanya.



Selain projek Horas, Noh turut mempersoalkan kelewatan projek Langat 2.

Apa status projek Horas?: Adun BN

Wakil rakyat BN persoalkan keberkesanan perancangan kerajaan negeri sehingga projek tertangguh

SHAH ALAM – Projek Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) sepatutnya sudah beroperasi seperti mana yang dirancang akan berfungsi pada September 2015.

Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abdul Razak berkata, mengikut laporan Projek Horas, sepatutnya projek itu sudah beroperasi, namun sehingga kini ia masih tidak berfungsi.

“Sehingga kini, banyak masalah yang wujud, projek itu masih tidak beroperasi. Selain itu rumah pam yang bernilai kira-kira RM12 juta juga tidak dapat disiapkan.

“Sudah tentu projek itu tidak dapat menjana air seperti yang dimaklumkan oleh kerajaan negeri,” katanya yang

mengulas perkembangan tersebut kepada Sinar Harian semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak nampak apa alasan kuat untuk mewujudkan Horas.

“Kerajaan negeri hanya memaklumkan sekiranya bekalan air tidak mencukupi, Horas akan menjadi satu sumber air, namun yang jelas sehingga hari ini ia tidak berfungsi.

“Saya juga tidak berkeyakinan terhadap jawatankuasa Exco bahawa projek itu akan dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang dicadangkan,” katanya.

Projek Horas yang dimulakan pada Mac 2014 oleh Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

Swan dakwa tiada perkembangan terbaru

SHAHALAM – Presiden Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Swan), Muhammad Tariq Loong Abdullah mendakwa Kerajaan Selangor tidak memberi sebarang perkembangan berhubung projek Horas.

Muhammad Tariq berkata, pihaknya hanya mengetahui bahawa projek Horas itu hanya efektif dalam musim

yang biasa.

“Bagi musim yang luar biasa seperti El Nino atau kemarau, Horas itu dipercayai tidak berapa berkesan.

“Segi status projek itu, Kerajaan Negeri sudah lama tiada sebarang perkembangan kepada rakyat,” katanya kepada Sinar Harian mengulas perkembangan tersebut.

Menurutnya, tambahan pula, se-

karang memang susah mahu dapat status empangan dan simpanan air simpanan di Selangor sekarang.

“Semua maklumat tidak seperti Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dulu. Susah nak ambil tahu tahap simpanan bekalan air.

“Kalau tidak salah saya, simpanan air belum lagi mencapai tahap 10% ke atas,” katanya.

KRONOLOGI

Kronologi Projek Horas

15 Mac 2014

BESTARI JAYA - Bagi menambah bekalan air mentah kepada pengguna di Lembah Klang, Kerajaan Negeri melaksanakan projek Horas 600 yang dijangka siap Julai 2015. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata projek yang dibangunkan di kawasan bekas lombong bijih timah seluas 235 hektar di Kampung Sungai Darah itu mampu membekalkan air bersih antara 600 hingga 700 Juta Liter Sehari (JLH).

13 Jun 2014

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor digesa mendedahkan analisis kandungan bekalan air menerusi pelaksanaan projek Horas.

Katanya walaupun Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim memberi pelbagai jaminan namun rakyat Selangor berharap untuk mengetahui mengenai keselamatan sumber air daripada projek Horas itu.

29 November 2014

PUTRAJAYA - Menteri Besar,

Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata projek Horas 600 yang dibangunkan Kerajaan Selangor menunjukkan perkembangan projek 35 peratus.

“Sebab itu kita mahu memastikan projek Horas 600 ini dapat disiapkan September 2015,” katanya

9 April 2015

SHAH ALAM - Exco Insfrauktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib berkata menerusnya tiga loji rawatan terlibat mampu membekalkan 436 JLH kepada Petaling, Shah Alam dan Klang. “Projek Mitigasi 2 tidak akan berjaya jika tidak ada bekalan air mentah mencukupi. Sebab itu kita mahu memastikan projek ini disiapkan September ini,” katanya

Exco Infrauktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib berkata menerusnya tiga loji rawatan terlibat mampu membekalkan 436 JLH kepada Petaling, Shah Alam dan Klang. “Projek Mitigasi 2 tidak akan berjaya jika tidak ada bekalan air mentah mencukupi. Sebab itu kita mahu memastikan projek ini disiapkan September ini,” katanya

29 Mac 2016

SHAH ALAM - BN Selangor mempersoalkan tindakan kerajaan negeri tergesa-gesa meluluskan pembinaan dua loji rawatan air (LRA) baharu sedangkan sepatutnya menyiapkan dahulu Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) di Sungai Selangor untuk menampung bekalan air. Ketua Penyelaras Dun BN Selangor Datuk Mat Nadzari Mat Dahlani menyifatkan pembinaan dua LRA dengan peruntukan RM800 juta itu sebagai satu pembaziran berikutkan projek Horas di Bestari Jaya yang dibina pada Mac 2014 masih tergandala.



Abdul Khalid (tengah) melihat replika projek Horas ketika majlis pecah tanah projek itu pada Mac 2014.

→ SUKAN

Selangor sudah sedia hadapi Tampines Rovers

• Kekalahan di tangan Pilihan Singapura tidak jejas persediaan skuad Zainal

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan.bh.com.my

■ Shah Alam

Kekalahan di tangan Pilihan Singapura pada aksi Piala Sultan Selangor kelmarin tidak menjelaskan persediaan Selangor untuk aksi penting menentang Tampines Rovers dalam saingan Kumpulan E, malam esok.

Pengendali The Red Giants, Zainal Abidin Hassan, mengakui anak buahnya menyedari betapa aksi menentang kelab Liga Singapura itu bakal menentukan hala tuju mereka sama ada mampu mara ke peringkat kalah mati atau tidak.

"Jadi, anak buah saya sudah bersedia sepenuhnya dari segi fizikal dan mental untuk beraksi menentang lawan itu yang sudah tentunya mereka mendapat

sokongan padu penyokong sendiri.

"Walaupun Selangor hanya memerlukan satu mata untuk layak ke peringkat seterusnya, kami akan cuba untuk mencatat kemenangan di sana.

Semua punyai peluang

"Malah, saya mengharapkan pemain dapat belajar daripada kesilapan yang mereka dilakukan ketika perlwanan Piala Sultan Selangor itu dan kembali bangkit untuk memperagakan aksi yang lebih meyakinkan," katanya selepas tamat perlwanan Piala Sultan Selangor itu, kelmarin.

Kata bekas pengendali Palang ini, dia juga tidak merancang membuat sebarang penggiliran pemain namun hanya pemain yang benar-benar cerdas sahaja akan diturunkan bagi aksi menentang pasukan The Stag itu.


"Semua pemain perlu menunjukkan aksi terbaik dan kesungguhan bagi memastikan mereka dapat memberi kesebelasan utama.

"Semua pemain mempunyai peluang untuk beraksi kecuali Saiful Ridzuwan Selamat dan Mohd Hafiz Kamal yang digantung perlwanan," katanya.

Dalam aksi pusingan pertama 30 April lalu, Selangor tewas 2-3 kepada Tampines di Stadium Selangor.



Pemain Pilihan Selangor, Mohamad Azmi Muslim (kiri) cuba menghalang tendangan kapten Pilihan Singapura, Jumaat Jantan pada aksi Piala Sultan Selangor, kelmarin.



Secara keseluruhannya saya sangat berpuas hati dengan pengajuran kali ini,"

Abd Karim Munisar
Pengurus Pengajur
Piala Sultan Selangor

Karim tabik semangat penyokong

Shah Alam: Pengurus Pengajur Piala Sultan Selangor, Tan Sri Abd Karim Munisar berpuas hati dengan sambutan meriah penyokong terhadap aksi Piala Sultan Selangor di Stadium Shah Alam, malam kelmarin.

Katanya, beliau tidak menjangkakan lebih 70,000 penyokong tetap membanjiri stadium walaupun hujan lebat sebelum perlwanan.

